

10 DEC 1999

Musa

MUSA TERKEJUT DENGAN PELANTIKAN SEBAGAI MENTERI PENDIDIKAN

PULAU PINANG, 10 Dis (Bernama) -- Menteri Pendidikan yang baru, Tan Sri Musa Mohamed, yang terkejut dengan pelantikannya, berazam memikul tugas itu sebaik mungkin bagi memastikan pendidikan negara terus maju pada masa akan datang.

Beliau berkata, pelantikannya itu adalah sesuatu yang mengejutkannya kerana tidak pernah menduga khidmatnya masih diperlukan walaupun setelah empat tahun bersara daripada jawatan terakhirnya iaitu Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), di sini.

Ketika ditemui di kediamannya, "Villa Nadia" di sini, beliau melahirkan rasa syukur kepada Allah di atas pelantikan itu dan berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberikan kepercayaan kepada beliau untuk menerajui sebuah kementerian yang amat mencabar itu.

"Saya tidak pernah terfikir akan dilantik sebagai menteri kerana saya bukanlah daripada kalangan orang politik dan tidak pernah menyertai parti politik. Bagaimanapun, saya tetap mengikuti perkembangan politik tanah air," katanya.

Musa, 56, berkata, beliau hanya dimaklumkan mengenai pelantikan itu oleh Perdana Menteri pada hari ini.

Ketika ditanya apakah perkara pertama yang akan beliau lakukan sebaik memulakan tugas, Musa berkata beliau akan meneliti dengan mendalam segala aspek mengenai pendidikan sebelum mengambil sebarang tindakan.

Katanya, adalah terlalu awal baginya untuk membayangkan apa yang bakal dilakukan. Tetapi beliau akan mengadakan perbincangan dengan timbalannya, para pegawai dan pakar-pakar dunia pendidikan sebelum membuat sebarang keputusan sama ada perlu mengadakan sebarang dasar pendidikan yang baru.

Katanya, adalah tidak wajar baginya melakukan sesuatu dengan terburu-buru kerana sebarang dasar yang diperkenalkan hanya akan dirasai kesannya bertahun-tahun kemudian.

Beliau berkata, generasi akan datanglah yang bakal menerima kesan daripada sesuatu dasar yang dilaksanakan sekarang, dan atas sebab itu ia memerlukan penelitian yang mendalam.

"Selepas berbincang, kita akan tentukan sama ada perlu mengatur strategi baru dan jika tidak, kita akan meneruskan dasar sedia ada," katanya.

Ketika ini, isterinya, Puan Sri Fauziah Shahrom, yang juga Pendaftar USM, berada di luar negara dan akan pulang ke tanah air Ahad ini.

Anak kelahiran Bagan Datoh, Perak itu sebelum ini menjadi Timbalan Naib Canselor USM selama 13 tahun sebelum bersara secara pilihan pada 1995.

Beliau juga pernah menjadi Timbalan Naib Canselor (Akademik) dan juga Dekan Pusat Pengajian Sains Farmasi universiti itu antara tahun 1975 dan 1981.

Sebelum dipinjamkan bertugas di universiti itu atas permintaan Naib Canselor USM yang pertama, Musa ialah seorang pegawai kanan di Kementerian Kesihatan.

Beliau menerima pendidikan awal di Bagan Datoh sebelum melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Sungai Sumun, yang kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Khir Johari, Sekolah Tinggi Clifford, Kuala Kangsar, Kolej Melayu Kuala Kangsar dan kemudian ke Universiti Singapura untuk ijazah

pertama dalam bidang sains farmasi pada 1962.

Pada 1970, beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama di University of London.

Selepas bersara daripada dunia pendidikan, Musa menjadi pengerusi beberapa syarikat perniagaan di negara ini.

Beliau mempunyai lima orang anak yang berumur antara 9 tahun dan 27 tahun.

Sementara itu, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yang pernah berkhidmat di bawah pentadbiran Musa di USM, menyifatkan pelantikan beliau sebagai pilihan yang tepat memandangkan keupayaannya memikul tugas berat ini.

Beliau percaya dengan pengalaman dan kepakarannya dalam bidang pendidikan, Musa akan dapat memberikan nafas baru dalam dunia pendidikan negara dan pelantikannya juga merupakan satu perubahan ketara kerana sebelum ini hanya ahli politik sahaja yang akan dilantik sebagai menteri kabinet.

"Sudah tiba masanya seorang profesional dilantik menerajui bidang yang berkaitan dengannya," katanya.

-- BERNAMA

ZU zb